

# Parti komponen BN sokong pendirian PM

UM 22 JUN 2001

KUALA LUMPUR 21 Jun — Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) menyokong pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa kekuatan BN bergantung kepada kekuatan UMNO.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata, keutamaan harus diberikan kepada saranan Perdana Menteri yang mahukan orang Melayu menguasai ilmu-ilmu pengetahuan terutama Bahasa Inggeris dan Teknologi Maklumat.

“UMNO adalah parti utama dalam Barisan Nasional (BN). Kekuatan BN amat bergantung kepada kekuatan UMNO.

“Dan saya percaya ucapan Dr. Mahathir kali ini mampu menyedarkan orang Melayu dan mampu

menjana kekuatan UMNO semula,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa mengulas ucapan perasmian Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk M. Kayveas berkata, ucapan Dr. Mahathir membawa mesej kepada orang Melayu supaya mereka menilai diri sendiri dalam semua bidang.

Beliau berkata, kerajaan dan UMNO telah melakukannya segala yang mungkin demi kebaikan masyarakat Melayu dan diberi pelbagai keistimewaan dan peluang untuk maju.

“Ataupun dengan lain

perkataan segala-galanya disediakan, tidak mungkin ada yang lebih baik, jika mereka mengutuk kerajaan dan mahu menukar kerajaan ia tidak akan membawa mereka ke mana-mana.

“Pembangkang belum lagi matang untuk memerintah negara” katanya.

Sementara itu, Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng berkata, ucapan Presiden UMNO itu merupakan ucapan yang berani kerana beliau menangani isu-isu yang memberi cabaran kepada masyarakat Melayu secara berdepan.

“Beliau bukan mencari populariti tetapi mahu masyarakat Melayu memperbaiki diri untuk muncul sebagai bangsa yang mempunyai maruah dan berkebolehan tinggi.